

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK	Etiqua General Insurance Berhad ("Kami")
Baca Helaian Pendedahan Produk ini sebelum anda memutuskan untuk memilih World Traveller Care . Pastikan juga anda membaca terma-terma dan syarat-syarat am.	World Traveller Care Tarikh : 01/01/2018

1. Apakah yang ditawarkan oleh produk ini?

Produk ini menyediakan manfaat sekiranya berlaku kejadian-kejadian yang tertentu kepada orang yang diinsuranskan. Kejadian-kejadian tersebut boleh berlaku ketika perjalanan domestik atau antarabangsa, dan termasuk kematian atau hilang upaya kekal akibat kemalangan (manfaat Seksyen A), perbelanjaan perubatan disebabkan kemalangan atau penyakit (Seksyen B), pelbagai kesulitan (Seksyen C), kehilangan atau kerosakan bagasi dan/atau barangan peribadi (Seksyen D), liabiliti peribadi (Seksyen E), atau perkhidmatan kecemasan (Seksyen F). Terma-terma dan syarat-syarat lengkap yang berkaitan manfaat-manfaat ini dinyatakan di dalam kontrak polisi.

2. Apakah perlindungan/manfaat yang diberi?

Manfaat-manfaat adalah berbeza mengikut kejadian tertentu dan tahap pelan perlindungan yang dipilih, seperti yang diringkaskan di dalam jadual di bawah.

Seksyen – Manfaat, setiap perjalanan	Jumlah Manfaat Bagi Setiap Seorang Mengikut Jenis Perlindungan (RM)			
	Domestik	Antarabangsa		
		Perak	Emas	Platinum
Liabiliti Had Agregat Maksimum ialah RM 5,000,000 bagi setiap satu kemalangan/kejadian. Jika amaun agregat semua manfaat yang dibayar di bawah kontrak ini melebihi had ini, manfaat yang dibayar kepada setiap orang yang diinsuranskan akan dikurangkan mengikut kadar supaya jumlah semua manfaat yang dibayar tidak melebihi had ini.				
Seksyen A – Kematian atau hilang upaya kekal akibat mana-mana satu kemalangan/kejadian				
a. Dewasa	50,000	50,000	100,000	500,000
b. Kanak-Kanak	10,000	10,000	20,000	100,000
c. Warga Emas	50,000	50,000	100,000	500,000
d. Keluarga – bayaran maksimum bagi setiap kemalangan di bawah pelan Keluarga.	150,000	150,000	300,000	1,500,000
Seksyen B – Pembayaran balik perbelanjaan berkaitan rawatan perubatan bagi setiap mana-mana satu kemalangan/kejadian, melebihi RM 100	Disebabkan oleh kemalangan sahaja	Disebabkan oleh kemalangan atau penyakit		
1. Perbelanjaan berkaitan perubatan	Sehingga 50,000	Sehingga 300,000	Sehingga 500,000	Sehingga 1,000,000
2. Perbelanjaan rawatan susulan	Sehingga 5,000	Sehingga 5,000	Sehingga 10,000	Sehingga 30,000
3. Perbelanjaan rawatan alternatif	Tidak Dilindungi	Tidak Dilindungi	Tidak Dilindungi	Sehingga 1,000
4. Penjagaan ihsan – Pembayaran balik perbelanjaan perjalanan dan penginapan untuk seorang apabila orang yang diinsuranskan dimasukkan ke hospital atau meninggal dunia.	Tidak Dilindungi	Tidak Dilindungi	Tidak Dilindungi	Sehingga 5,000
5. Penjagaan anak / penghantaran pulang anak – Pembayaran balik perbelanjaan tambahan untuk seorang untuk menjaga dan menemani mereka pulang, apabila orang dewasa yang diinsuranskan dimasukkan ke hospital.	Tidak Dilindungi	Tidak Dilindungi	Tidak Dilindungi	Sehingga 5,000
6. Pendapatan harian hospital / elaun kemasukan ke hospital Tertakluk kepada maksimum 20 hari bagi setiap perjalanan	150 sehari 3,000	150 sehari 3,000	250 sehari 5,000	350 sehari 7,000
Seksyen C – Kesulitan bagi setiap mana-mana satu kemalangan/kejadian				
1. Pembatalan perjalanan	Tidak Dilindungi	Tidak Dilindungi	Sehingga 20,000	Sehingga 50,000
2. Pemendekan perjalanan	Tidak Dilindungi	Tidak Dilindungi	Sehingga 20,000	Sehingga 50,000
3. Kelewatan perjalanan (untuk setiap kelewatan selama 8 jam)	Tidak Dilindungi	Tidak Dilindungi	250 sehingga 2,000	250 sehingga 5,000
4. Kelewatan bagasi	Sehingga 500	Sehingga 500	Sehingga 1,000	Sehingga 2,000
5. Kesulitan akibat rampasan (untuk setiap kelewatan selama 24 jam)	Tidak Dilindungi	Tidak Dilindungi	250 sehingga 500	250 sehingga 1,000

Seksyen – Manfaat, setiap perjalanan	Jumlah Manfaat Bagi Setiap Seorang Mengikut Jenis Perlindungan (RM)			
	Domestik	Antarabangsa		
		Perak	Emas	Platinum
Seksyen D – Pembayaran balik untuk kehilangan atau kerosakan bagasi, barangan peribadi, wang peribadi dan/atau dokumen perjalanan orang yang diinsuranskan, melebihi RM 100				
1. Bagasi dan/atau barangan peribadi	Sehingga 1,000	Sehingga 1,000	Sehingga 3,000	Sehingga 5,000
2. Wang peribadi	Tidak Dilindungi	Tidak Dilindungi	Sehingga 500	Sehingga 1,000
3. Dokumen perjalanan	Tidak Dilindungi	Tidak Dilindungi	Sehingga 3,000	Sehingga 5,000
Seksyen E – Pembayaran balik tuntutan liabiliti peribadi terhadap orang yang diinsuranskan				
	Sehingga 200,000	Sehingga 200,000	Sehingga 1,000,000	Sehingga 2,000,000
Seksyen F – Pembayaran balik untuk kos perkhidmatan kecemasan, di mana manfaat Seksyen A atau B dibayar				
	Disebabkan oleh kemalangan sahaja	Disebabkan oleh kemalangan atau penyakit		
1. Pemindahan perubatan akibat kecemasan	Sehingga 500,000	Sehingga 500,000	Sehingga 1,000,000	Sehingga 1,500,000
2. Penghantaran pulang dan pengebumian jenazah	Sehingga 500,000	Sehingga 500,000	Sehingga 1,000,000	Sehingga 1,500,000

Bantuan tuntutan disediakan melalui Khidmat Bantuan Perjalanan dan Perubatan 24 Jam di talian +603 2161 0270.

Nota: Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk maklumat lanjut tentang manfaat-manfaat di atas.

3. Berapakah jumlah premium yang perlu saya bayar?

Jumlah premium yang perlu dibayar bergantung kepada orang yang diinsuranskan (individu, individu & pasangan, atau keluarga), umur orang yang diinsuranskan, tahap perlindungan (domestik, atau perak/emas/platinum antarabangsa), kawasan yang dilindungi, dan tempoh perjalanan. Perlindungan disediakan bagi setiap perjalanan, atau secara tahunan. Untuk tahunan, tempoh perlindungan adalah untuk 1 tahun dan polisi boleh diperbaharui setiap tahun. Premium hendaklah dibayar dengan penuh sebelum perlindungan bermula. Sila simpan resit sebagai bukti pembayaran.

Premium yang dibayar dalam Ringgit Malaysia (RM) dinyatakan di dalam jadual berikut:

Hanya premium Domestik telah termasuk Cukai Barang dan Perkhidmatan

INDIVIDU										
Pelan	Dewasa (18 ke 70 tahun)									
	Domestik	Antarabangsa								
		Perak			Emas			Platinum		
Bil. Hari	Malaysia	Negara Asia*	Seluruh dunia kecuali AS dan Kanada	Seluruh dunia termasuk AS dan Kanada	Negara Asia*	Seluruh dunia kecuali AS dan Kanada	Seluruh dunia termasuk AS dan Kanada	Negara Asia*	Seluruh dunia kecuali AS dan Kanada	Seluruh dunia termasuk AS dan Kanada
1 - 5	15.37	16.00	23.50	31.50	28.00	41.00	55.50	42.50	62.00	84.00
6 - 10	17.49	23.00	33.50	45.00	40.50	59.00	80.00	61.00	89.50	121.00
11 - 18	23.32	35.00	51.50	69.00	62.00	91.00	122.50	93.50	137.50	185.50
19 - 30	29.15	42.00	62.00	83.50	74.50	109.50	148.00	112.50	165.50	223.50
Setiap minggu tambahan	Tidak Dilindungi	12.50	18.50	25.00	22.00	32.50	44.00	33.50	49.00	66.50
Tahunan	Tidak Dilindungi	119.00	163.50	198.00	211.00	289.50	350.50	319.00	438.00	530.50
Warga Emas (71 ke 80 tahun)										
Pelan	Dewasa (18 ke 70 tahun)									
	Domestik	Antarabangsa								
		Perak			Emas			Platinum		
Bil. Hari	Malaysia	Negara Asia*	Seluruh dunia kecuali AS dan Kanada	Seluruh dunia termasuk AS dan Kanada	Negara Asia*	Seluruh dunia kecuali AS dan Kanada	Seluruh dunia termasuk AS dan Kanada	Negara Asia*	Seluruh dunia kecuali AS dan Kanada	Seluruh dunia termasuk AS dan Kanada
1 - 5	49.29	51.50	75.50	101.50	90.50	133.50	180.00	137.00	201.50	272.00
6 - 10	56.18	74.00	108.50	146.50	130.50	192.00	259.00	197.50	290.50	392.00
11 - 18	75.26	113.00	166.50	224.50	200.50	294.50	397.50	303.00	446.00	601.50
19 - 30	94.34	136.50	200.50	270.50	242.00	355.50	479.50	366.00	538.00	726.00

INDIVIDU										
Pelan	Warga Emas (71 ke 80 tahun)									
	Domestik	Antarabangsa								
		Perak			Emas			Platinum		
Bil. Hari	Malaysia	Negara Asia*	Seluruh dunia kecuali AS dan Kanada	Seluruh dunia termasuk AS dan Kanada	Negara Asia*	Seluruh dunia kecuali AS dan Kanada	Seluruh dunia termasuk AS dan Kanada	Negara Asia*	Seluruh dunia kecuali AS dan Kanada	Seluruh dunia termasuk AS dan Kanada
Setiap minggu tambahan	Tidak Dilindungi	40.50	59.50	80.00	71.50	105.00	142.00	108.50	159.00	215.00
Tahunan	Tidak Dilindungi	386.50	530.00	642.50	685.00	940.00	1,139.00	1,036.50	1,422.50	1,724.50

INDIVIDU & PASANGAN										
Pelan	Dewasa (18 ke 70 tahun)									
	Domestik	Antarabangsa								
		Perak			Emas			Platinum		
Bil. Hari	Malaysia	Negara Asia*	Seluruh dunia kecuali AS dan Kanada	Seluruh dunia termasuk AS dan Kanada	Negara Asia*	Seluruh dunia kecuali AS dan Kanada	Seluruh dunia termasuk AS dan Kanada	Negara Asia*	Seluruh dunia kecuali AS dan Kanada	Seluruh dunia termasuk AS dan Kanada
1 - 5	26.50	27.50	40.50	55.00	49.00	72.00	97.00	74.00	108.50	146.50
6 - 10	30.21	40.00	58.50	79.00	70.50	103.50	139.50	106.50	156.50	211.00
11 - 18	40.81	61.00	89.50	121.00	108.00	158.50	214.00	163.50	240.00	324.00
19 - 30	50.88	73.50	108.00	146.00	130.50	191.50	258.50	197.00	289.50	391.00
Setiap minggu tambahan	Tidak Dilindungi	22.00	32.00	43.50	38.50	57.00	76.50	58.50	86.00	116.00
Tahunan	Tidak Dilindungi	208.00	285.50	346.00	369.00	506.00	613.50	558.00	766.00	928.50

KELUARGA										
Pelan	Dewasa (18 ke 70 tahun) dan Anak-anak yang berumur sekurang-kurangnya 45 hari dan tidak melebihi umur 18 tahun (atau tidak melebihi 23 tahun sekiranya masih belajar sepenuh masa di institusi pengajian tinggi yang diiktiraf) pada tarikh insurans berkuat kuasa.									
	Domestik	Antarabangsa								
		Perak			Emas			Platinum		
Bil. Hari	Malaysia	Negara Asia*	Seluruh dunia kecuali AS dan Kanada	Seluruh dunia termasuk AS dan Kanada	Negara Asia*	Seluruh dunia kecuali AS dan Kanada	Seluruh dunia termasuk AS dan Kanada	Negara Asia*	Seluruh dunia kecuali AS dan Kanada	Seluruh dunia termasuk AS dan Kanada
1 - 5	35.51	36.00	52.50	71.00	65.50	96.00	129.50	100.00	146.50	198.00
6 - 10	40.28	50.00	73.00	99.00	90.50	133.00	179.50	138.50	204.00	275.00
11 - 18	54.06	82.00	120.50	162.50	149.00	219.50	296.00	228.50	336.00	453.50
19 - 30	67.84	115.00	169.00	228.00	209.00	307.50	415.00	320.00	470.50	635.50
Setiap minggu tambahan	Tidak Dilindungi	29.50	43.50	58.50	53.50	79.00	106.50	82.00	120.50	163.00
Tahunan	Tidak Dilindungi	261.00	358.00	434.00	475.00	651.50	790.00	727.00	998.00	1,209.50

Negara Asia*	Bangladesh, Bhutan, Brunei, Cambodia, China, Filipina, Hong Kong, India, Indonesia, Jepun, Korea Selatan, Laos, Macau, Maldives, Myanmar, Nepal, Pakistan, Sikkim, Singapura, Sri Lanka, Taiwan, Thailand, Timor Leste dan Vietnam.
--------------	---

- Semua premium (jika terpakai) akan tertakluk kepada caj-caj atau cukai-cukai yang berkenaan termasuk Cukai Barang & Perkhidmatan sebagaimana yang dianggap perlu oleh pihak berkuasa cukai Malaysia. Adalah penting untuk anda menyimpan apa-apa resit yang anda terima sebagai bukti pembayaran premium.

4. Apakah fi dan caj yang perlu saya bayar?

Jenis	Jumlah (RM)
Komisen dibayar kepada ejen insurans	25% daripada premium
Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) – hanya untuk Domestik	6% daripada premium
Duti Setem	10.00

5. Apakah terma-terma dan syarat-syarat penting yang perlu saya ketahui?

Kepentingan pendedahan

- a. Menurut Perenggan 5 daripada Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan-soalan di dalam Borang Permohonan (atau semasa memohon insurans ini). Anda dikehendaki menjawab soalan-soalan dalam Borang Permohonan ini dengan lengkap dan tepat.
- b. Kegagalan untuk mengambil langkah yang munasabah dalam menjawab soalan-soalan, mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak insurans anda, keengganan atau pengurangan gantirugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda.
- c. Kewajipan pendedahan diatas hendaklah diteruskan sehingga kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami.
- d. Sebagai tambahan kepada soalan-soalan di dalam Borang Permohonan (atau semasa memohon insurans ini), anda dikehendaki untuk mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan.
- e. Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa permohonan insurans ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Permohonan tidak tepat atau sudah berubah.

Tempoh Perjalanan – tempoh bagi setiap perjalanan tidak boleh melebihi 30 hari berturut-turut di bawah pelan domestik, dan 90 hari berturut-turut di bawah pelan antarabangsa.

Pelan Keluarga – anda mestilah turut serta sepanjang tempoh perjalanan bersama pasangan dan anak-anak anda.

Bayaran Sebelum Perlindungan (CBC) – premium hendaklah dibayar kepada kami atau ejen kami yang diiktiraf sebelum tarikh polisi berkuatkuasa.

Tuntutan – jika berlaku kemalangan yang membawa kepada tuntutan, anda hendaklah memberitahu kami dalam masa 30 hari dari tarikh kemalangan itu berlaku.

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kontrak polisi untuk senarai lengkap terma-terma dan syarat-syarat.

6. Apakah pengecualian-pengecualian utama di bawah polisi ini?

Pengecualian Am

- a. Keadaan sedia ada;
- b. Kecederaan yang disengajakan, cubaan membunuh diri, gangguan mental;
- c. Komplikasi kehamilan, penyakit kelamin, HIV, alkohol atau dadah;
- d. Perjalanan udara selain daripada sebagai penumpang yang membayar tambang biasa berjadual atau pesawat berlesen yang disewa;
- e. Terlibat dalam sukan, pekerjaan, atau aktiviti yang berbahaya;
- f. Peperangan, rusuhan, atau negara-negara atau kawasan-kawasan dengan konflik besar-besaran, atau kuarantin bagi penyakit berjangkit, termasuk Afghanistan, Afrika (selain daripada Afrika Selatan, Botswana, Kenya, Lesotho, Madagascar, Malawi, Mauritius, Mozambique, Namibia, Seychelles, Swaziland, Tanzania, Zambia dan Zimbabwe), Iraq, Iran, Korea Utara, Palestin, Syria atau Ukraine;
- g. Penyertaan dalam sebarang aktiviti yang menyalahi undang-undang seperti serangan yang diprovokasi; dan
- h. Tindakan yang diambil oleh pihak berkuasa kerajaan;

Seksyen B (Manfaat Perubatan)

- a. Eksperimen, penyiasatan, prosedur kosmetik, plastik, yang tidak penting, dan bukan kecemasan;
- b. Perjalanan yang bertentangan dengan nasihat pengamal perubatan atau untuk tujuan mendapatkan rawatan perubatan;
- c. Penyakit berjangkit yang memerlukan kuarantin oleh undang-undang;
- d. Apa-apa keadaan kongenital; dan
- e. Rawatan yang berkaitan dengan mata dan gigi;

Seksyen C (Manfaat Kesulitan)

- a. Kelewatan atau pindaan perjalanan yang ditempah oleh penyedia perkhidmatan, yang disebabkan peraturan atau undang-undang kerajaan; dan
- b. Kelewatan bagasi setelah kembali ke Malaysia;

Seksyen D (Kehilangan atau Kerosakan Barangan Peribadi)

- a. Haus dan lusuh, kerosakan mekanikal atau elektrik;
- b. Kegagalan untuk mengambil penjagaan teliti dan munasabah;
- c. Kehilangan data;
- d. Dokumen perjalanan, kad kredit, surat hak milik, lesen memandu, kad pengenalan;
- e. Barang mudah pecah;
- f. Barangan elektronik, komputer riba atau barang kemas yang didaftar masuk;
- g. Peralatan dan kelengkapan sukan;
- h. Rampasan atau tahanan oleh kastam atau mana-mana pihak berkuasa lain; dan
- i. Penurunan nilai mata wang atau kekurangan kerana kesilapan atau ketinggalan dalam mana-mana urusan niaga yang melibatkan wang;

Seksyen E1 (Liabiliti Peribadi)

- a. Liabiliti kontraktual, sebagai majikan, atau ahli keluarga;
- b. Liabiliti yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion;
- c. Kehilangan atau kerosakan harta, yang dimiliki atau dalam jagaan pekerja, diri sendiri atau ahli keluarga;
- d. Pemunyaan atau penghuni tanah dan bangunan, selain daripada kediaman yang diduduki sementara;
- e. Pemilikan atau penggunaan kenderaan darat, udara atau air atau binatang; dan
- f. Prosiding jenayah kos guaman, ganti rugi yang diberikan oleh mahkamah, atau kerugian bukan wang.

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian.

7. Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Anda boleh membatalkan polisi pada bila-bila masa dengan memberi notis rasmi dan menyerahkan Sijil Insurans asal anda kepada kami, atau anda boleh membatalkan perlindungan untuk mana-mana orang yang diinsuranskan. Penamatan sedemikian akan berkuat kuasa daripada tarikh notis diterima oleh Kami atau pada tarikh yang dinyatakan di dalam notis atau mana-mana tarikh yang terkemudian.

8. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan maklumat perhubungan?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami tentang sebarang perubahan maklumat perhubungan anda bagi memastikan semua komunikasi sampai kepada anda tepat pada masanya.

9. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut mengenai insurans kemalangan diri, sila rujuk buku panduan maklumat infoinsurans yang boleh didapati di semua cawangan kami atau layari laman web www.insuranceinfo.com.my

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

Etiqua General Insurance Berhad (9557T)

(Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan di kawalselia oleh Bank Negara Malaysia)

Aras 13, Menara B, Dataran Maybank

No. 1, Jalan Maarof

59000 Kuala Lumpur

Nombor Telefon: +603 2297 3888

Nombor Faksimile: +603 2297 3800

Etiqua Oneline 1300 13 8888

E-mel: info@etiqua.com.my

Laman Utama: www.etiqua.com.my

10. Lain-lain jenis perlindungan sama yang boleh didapati

Sila rujuk kepada cawangan kami atau ejen kami untuk jenis perlindungan serupa yang ditawarkan.

NOTA PENTING:

ANDA DINASIHATKAN UNTUK MENGAMBIL PERHATIAN MENGENAI SKALA MANFAAT UNTUK KEMATIAN DAN HILANG UPAYA DALAM POLISI ANDA. ANDA MESTI MELANTIK PENAMA DAN MEMASTIKAN PENAMA ANDA TAHU POLISI KEMALANGAN DIRI YANG ANDA TELAH BELI. ANDA PERLU MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURAN ANDA DAN BERBINCANG DENGAN WAKIL INSURANS ATAU MENGHUBUNGI SYARIKAT INSURANS SECARA TERUS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Maklumat yang disediakan di dalam helaian pendedahan ini adalah sah pada 01/01/2018.